

Pekerjaan Sambilan dan Prestasi Akademik Mahasiswa: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti  
Kebangsaan Malaysia  
(*Part-Time Work and Students' Academic Performance: A Study among Students at University  
Kebangsaan Malaysia*)

NURUL ISMA EZZATY ISMAIL & HAIRUNNIZAM WAHID\*

ABSTRAK

Kerja sambilan dalam kalangan penuntut Institut Pengajian Tinggi hari ini sudah menjadi satu 'trend' disebabkan oleh beberapa faktor. Pelajar-pelajar yang membuat kerja sambilan sering dikaitkan dengan prestasi akademik kerana adalah mustahil untuk pelajar memfokuskan kepada dua tanggungjawab besar semasa belajar. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor-faktor pelajar membuat kerja sambilan dan kesan bekerja sambilan terhadap prestasi akademik. Faktor-faktor kerja sambilan dibahagikan kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang mendorong pelajar untuk membuat kerja sambilan. Selain itu, kajian turut dijalankan untuk mengkaji kesan terhadap prestasi akademik pelajar setelah membuat kerja sambilan. Kajian turut mengkaji bilangan kerja dalam seminggu untuk melihat kekerapan bekerja dan kesan terhadap prestasi pelajar samada rendah atau tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang terdiri daripada 46 item. Seramai 150 orang responden yang terdiri daripada pelajar seluruh fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik berbentuk soalan tertutup dan skala Likert. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, min serta peratus dan analisis ANOVA satu hala. Hasil kajian mendapati pelajar yang membuat kerja sambilan tidak menjejaskan prestasi akademik mereka sekiranya bijak menguruskan waktu dan memfokuskan tanggungjawab hakiki sebagai pelajar.

Kata kunci: kerja sambilan, prestasi akademik, Faktor Dalaman, Tahun Pengajian, Jam Kerja

ABSTRACT

*Part-time job among students of higher education is the current trend. There are a few factors that may influence this matter. Students who prefer to do part-time jobs are often associated with academic performance as students are rarely able to focus on two things while studying. Therefore, this research aimed to examine the factors that influence students' preference to take up a part-time job and its effects on their academic achievements. The factors are categorized into two parts, which are internal factors and external factors. Other than that, this research also investigated the number of jobs students took in a week in order to analyze its frequency and whether it positively or negatively affected their academic achievements. This study employed the survey method consisting of 46 items. 150 students from every faculty in Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor were chosen to participate in this study. The data of the study were collected from the distribution of questionnaires in the form of closed questions and Likert scale. Descriptive statistical analysis and one-way ANOVA were utilized to obtain frequency, mean, and percentage. The results of the study found that part-time work did not affect students' academic achievements if they managed their time wisely and focused on their real responsibilities as students.*

*Keywords: Part-time job, academic achievements, internal factors, years of study, workload*

## PENGENALAN

Pekerjaan sambilan didefinisikan sebagai kerja sampingan untuk mendapatkan penghasilan sampingan ataupun penghasilan tambahan. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, sambilan bermaksud pekerjaan yang dilakukan bersama yang lain dan kurang penting. Pada akhir-akhir ini, fenomena dimana pelajar Institut Pengajian Tinggi membuat kerja sambilan semakin meningkat (Ershad, 2017). Kebiasaannya, pelajar memilih untuk membuat kerja sambilan ketika ketiadaan kelas pada hari minggu atau hujung minggu. Manakala menurut Safrul Muluk (2017) pula mentakrifkan pelajar yang bekerja sambilan merupakan pelajar yang bekerja semasa dalam semester di mana kurang 20 jam seminggu. Oleh itu, pelajar yang bekerja di luar semester pengajian tidak termasuk dalam kajian ini kerana pekerjaan tersebut tidak mengganggu waktu pembelajaran. Menurut akhbar berita harian, pelajar yang membuat kerja sambilan semasa belajar adalah suatu perkara yang tidak asing lagi dalam konteks kehidupan hari ini terutama pelajar yang menyambung pengajian di kawasan bandar. Meskipun sudah mendapat biasiswa dan bantuan pengajian namun peningkatan kos sara hidup di bandar yang semakin tinggi mendesak pelajar untuk membuat kerja sambilan<sup>1</sup>

Namun apa yang sepatutnya berlaku ialah individu pelajar seharusnya bijak membahagikan masa antara belajar dan bekerja sekiranya bekerja secara sambilan tersebut menjadi pilihan mereka ketika semester kuliah. Antara faktor utama yang biasanya diungkapkan oleh pelajar untuk bekerja secara sambilan ialah faktor kewangan. Tambahan lagi, kegawatan ekonomi yang berlaku pada masa kini serta kos sara hidup yang agak tinggi telah memaksa pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) untuk mencari sumber kewangan tambahan dengan melakukan pekerjaan sambilan. Peningkatan kos sara hidup pelajar juga telah menyebabkan segelintir pelajar terpaksa membuat pilihan untuk bekerja secara sambilan bagi menampung perbelanjaan seharian mereka. Hal ini menyebabkan tugas mereka sebagai pelajar menjadi lebih berat, di mana selain perlu memberi tumpuan sekaligus kepada pelajaran dan bekerja (Tamar & Nor Syahidah, 2009). Ini adalah kerana, sekiranya pelajar tersebut gagal menguruskan masa dengan baik maka pekerjaan sambilan boleh menjadi faktor penurunan prestasi pelajaran mereka. Hakikatnya, membuat kerja sambilan semasa belajar di kampus bukanlah pilihan dominan dalam kalangan pelajar, kerana untuk menjaga prestasi akademik amat memerlukan kepada konsentrasi yang tinggi terhadap pelajaran mereka (Tarmizi Nur, 2016). Oleh hal yang demikian, seseorang pelajar seharusnya

bijak mengimbangi masa mereka agar dapat menyusun waktu belajar dan bekerja dengan teratur supaya tidak menjejaskan prestasi pelajaran. Prestasi pelajaran pelajar adalah penting bagi membolehkan individu dinilai kerana kecemerlangan akademik merupakan indikator sejauhmana kemahiran dan pencapaian pelajar. Prestasi akademik yang rendah adalah apabila seseorang pelajar memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) kurang daripada 2.35 iaitu nilai minimum manakala pelajar yang memperoleh prestasi akademik yang tinggi adalah PNGK melebihi 3.00 (Muhammad et.al, 2006).

Pekerjaan secara sambilan bagi pelajar sememangnya baik kerana mereka akan memperoleh tambahan sumber kewangan untuk membiayai yuran dan perbelanjaan mereka. Namun seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kesan kerja secara sambilan boleh menjadi sama ada kesan positif atau negatif terhadap prestasi pelajaran pelajar. Walau bagaimanapun seringkali, bekerja sambil belajar dikaitkan dengan impak negatif terhadap prestasi pelajaran seseorang pelajar. Persoalannya, adakah pernyataan ini benar? Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara bekerja sambilan terhadap prestasi pelajaran pelajar tersebut. Objektif kajian ini adalah seperti berikut: (1) mengenal pasti faktor yang menyebabkan pelajar ingin membuat kerja sambilan; (2) mengkaji apakah faktor yang dijangkakan mempengaruhi prestasi akademik pelajar sekiranya bekerja secara sambilan dengan menghubungkan dengan beberapa faktor demografi seperti fakulti pengajian, tahun pengajian serta jam waktu bekerja secara sambilan. Faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk membuat kerja sambilan ini telah dibahagikan kepada dua faktor utama iaitu faktor luaran dan dalaman. Kajian ini melihat sejauhmana faktor luaran atau faktor dalaman yang banyak mendorong pelajar untuk membuat kerja sambilan. Selain itu, kajian ini juga akan mengenal pasti kesan kerja sambilan terhadap prestasi akademik. Hal ini demikian kerana, kajian terhadap kesan prestasi akademik dianalisis untuk melihat samada pelajar yang membuat kerja sambilan mampu mengekalkan prestasi akademik yang baik dan cemerlang. Perkara ini akan dibincang dengan lebih lanjut di bahagian berikutnya. Sumbangan daripada kajian yang dijalankan ini adalah supaya dapat menukarkan persepsi masyarakat umum bahawa pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh pelajar tidak mendatangkan kesan negatif sematamata. Sumbangan daripada kajian ini juga diharapkan dapat membina suatu jaringan industri antara pihak universiti dan juga organisasi kerja dimana pelajar bekerja. Hal ini kerana, pelajar boleh disesuaikan skop tugas ketika bekerja sambilan dengan bidang

<sup>1</sup>Atas talian diakses pada 7 September 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/12/218705/mahasiswa-bekerja-sambilan-demi-tampung-kos-sara-hidup>

pengajian sekiranya ada pantauan dari pihak universiti. Hal ini juga dapat meningkatkan lagi mutu kerja dan kemahiran sendiri pelajar yang dapat dipupuk ketika bekerja sambilan sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. Di samping itu, kajian yang dilakukan ini turut menyumbang dalam usaha pelaksanaan pihak Universiti untuk meningkatkan lagi inisiatif tambahan bagi mengurangkan masalah kewangan pelajar

## KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, terdapat banyak kajian telah mengkaji faktor bekerja sambilan dalam kalangan pelajar IPT dan kesannya terhadap prestasi pelajaran pelajar. Contohnya kajian oleh Safrul Muluk (2017) ada menyatakan bahawa tujuan pelajar bekerja secara sambilan disebabkan oleh keinginan mereka mencari pengalaman bekerja semasa masih belajar sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Mempunyai pengalaman bekerja semasa belajar di kampus akan memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi. Selain itu, hasil kajian tersebut turut mendapati bahawa pelajar bekerja secara sambilan kerana ingin menampung pembiayaan yuran pengajian serta perbelanjaan sepanjang pengajian. Manakala kajian Fitria et al. (2013) mendapati pelajar bekerja sambil belajar disebabkan oleh faktor pengurangan bebanan kewangan yang dihadapi oleh pelajar dan keluarga. Oleh itu, kewujudan pelajar yang terpaksa mengambil alih tugas bekerja untuk membantu keluarga. Tambahan lagi, antara faktor lain ialah pelajar juga turut bekerja sambilan hanya untuk mengisi waktu lapang sewaktu ketiadaan kelas dan faktor ini disetujui oleh sebahagian kecil pelajar.

Pekerjaan yang selesa dipilih oleh pelajar untuk membuat kerja sambilan adalah dalam sektor perkhidmatan yang mana pekerjaan tersebut tidak memerlukan tenaga fizikal yang banyak seperti yang dibincangkan dalam kajian Noraziah et al. (2008). Selain itu, majoriti pelajar juga turut bekerja dalam bidang pengurusan dan peruncitan di kedai makan, kedai runcit, stesen minyak dan pasaraya (Amsyar et al, 2019). Tambahan lagi, darjah kesempaian pelajar ke lokasi kerja yang mudah dan meluas juga turut menjadi faktor mendorong pelajar untuk membuat kerja sambilan dalam menghadapi kekangan kewangan.

Selain itu, pelajar terlibat dengan kerja sambilan semasa belajar adalah disebabkan kekurangan sumber kewangan serta peningkatan kos sara hidup. Kajian yang dilaksanakan oleh Awab Said (2003) membuktikan bahawa kesempitan sumber kewangan menyebabkan pelajar mengambil inisiatif sendiri

untuk bekerja semasa belajar. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Suhaila Nadzri et al. (2016) pula, kekurangan sumber kewangan adalah faktor dominan pelajar membuat kerja sambilan selain faktor pengaruh rakan sebaya. Kajian yang dilaksanakan oleh Khairil et al.(2018) pula menunjukkan bahawa pelajar membuat kerja sambilan kerana ingin mendapat pandangan yang tinggi dalam kalangan rakan-rakan sekiranya dapat berbelanja mewah. Oleh hal yang demikian, pelajar membuat kerja sambilan untuk mendapatkan wang yang lebih banyak untuk memenuhi perbelanjaan peribadi yang lebih mahal berbanding perbelanjaan pengajian.

Kebijaksanaan pelajar membahagikan masa antara belajar dan bekerja menjadi suatu keutamaan yang penting kerana ia boleh mempengaruhi prestasi pelajaran pelajar. Terdapat pelajar yang bijak mengurus masa, mampu membahagikan masa dengan baik seterusnya tidak mengalami tekanan menjadi pelajar dan pekerja dalam satu masa. Sebagaimana kajian yang dilaksanakan oleh Wan Zah et al. (2013) menyatakan bahawa pengurusan masa adalah satu teknik berkesan untuk mengurangkan tekanan kerana ia dapat mengawal seseorang menggunakan masa serta merancang aktiviti pada masa depan. Ini bermakna pengurusan masa merupakan satu faktor yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti. Oleh hal yang demikian, kebijaksanaan pengurusan masa mempengaruhi pembahagian masa belajar yang efektif. Kajian yang dilaksanakan oleh Lay dan Schouwenburg (1993) mengatakan bahawa pelajar yang menggalas tanggungjawab yang banyak dan melibatkan tugas tertentu membentuk pelajar menguruskan masa dengan lebih baik. Pelajar yang membuat kerja sambilan akan lebih bijak membahagikan masa antara belajar dan menyiapkan tugas pelajaran serta pekerjaan. Kajian yang dilakukan oleh Faezah et al. (2015) pula mendapati pelajar yang membuat kerja sambilan semasa belajar adalah lebih matang berbanding pelajar yang lain kerana perlu bijak membahagikan masa antara belajar dan bekerja secara seimbang. Ini adalah faktor tarikan kepada bekerja secara sambilan ketika belajar di IPT.

Namun begitu, menurut Awab Said (2003), pelajar yang kurang bijak membahagikan masa antara bekerja dan belajar boleh menjejaskan prestasi pelajaran mereka. Hal ini demikian kerana, pelajar buntu untuk memilih keutamaan antara bekerja dan belajar. Pelajar yang melihat akan memperoleh keuntungan yang lebih dari pekerjaan sanggup bekerja lebih masa sehingga mengabaikan waktu belajar. Bagi pelajar yang lemah pasti akan menjejaskan lagi prestasi akademik mereka kerana masa untuk mengulangkaji dan membuat tugas di rumah atau kolej telah berkurangan. Pelajar

yang lemah sepatutnya menumpukan lebih masa dalam mengulang kaji dan membuat latihan. Kajian oleh Nur Lailatul Azizah (2017) menyatakan semua pelajar perlu menyedari bahawa pelajaran adalah keutamaan mereka dan bekerja hanyalah sampingan hasil keputusan yang dibuat oleh pelajar secara individu. Banyak kes dijumpai pelajar mengabaikan pelajaran kerana keasyikan bekerja dalam memperoleh upah dari pekerjaan tersebut berbanding menitikberatkan soal pelajaran.

Seterusnya kajian Nur Lailatul (2017) menjelaskan bahawa kerja sambilan ini mampu memberi kesan positif kepada pelajar iaitu keperluan yang semakin kompleks antara tugas sebagai pelajar dan pekerja dalam satu masa menjadikan mahasiswa dan mahasiswi dituntut untuk bekerja sebagai keupayaan memenuhi keperluan yang baik. Melalui bekerja juga, pelajar dapat menambahkan keterampilan dalam melakukan sesuatu dengan lebih bermanfaat secara kreatif dan inovatif. Para pelajar akan menjadikan pengalaman di tempat kerja seterusnya membentuk diri menjadi seorang yang bersifat profesional dan berkebolehan tinggi kerana menggalas peranan dua kali ganda sebagai pelajar dan pekerja. Hal ini juga membantu mempersiapkan diri pelajar sebagai ahli tertentu dalam peringkat pengajian yang melakukan aktiviti dengan pengetahuan, ketrampilan dan bakat yang lebih berbanding pelajar lain yang tidak bekerja sambilan. Hal ini mungkin kerana, pengaruh pembawaan diri di tempat kerja membentuk pelajar sebagai seorang yang profesional dan lebih matang dalam berurusan. Bukan itu sahaja, pelajar yang membuat kerja sambilan dilihat lebih menghargai nilai wang dan memanfaatkan wang untuk dibelanjakan dengan sebaiknya. Hal ini demikian kerana pelajar menyedari bahawa untuk mendapatkan wang yang sedikit memerlukan komitmen tenaga dan masa mereka (Khoo Boo Wan, 1997).

## METODOLOGI KAJIAN

### Pensampelan Data

Dari segi data dan maklumat kajian, kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Kajian hanya tertumpu kepada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terdiri daripada pelbagai fakulti untuk mengkaji faktor pelajar membuat kerja sambilan dan kesan terhadap prestasi pelajaran mereka. Soal selidik kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai faktor dan keperluan pelajar membuat kerja sambilan ketika belajar. Bahagian kedua pula mengenai kesan

kerja sambilan terhadap pelajaran pelajar manakala bahagian ketiga pula demografi responden. Kajian akan menggunakan skala Likert, iaitu skala likert lima mata yang menunjukkan 1 mewakili "Sangat Tidak Setuju" hingga 5 mewakili "Sangat Setuju". Populasi kajian terdiri daripada 17,500 pelajar sarjana muda dan 5,105 pelajar pasca siswazah yang dipilih secara rawak dari seluruh kampus UKM. Dalam menentukan jumlah sampel, penelitian yang dilakukan adalah menggunakan kaedah *purposive sampling* iaitu soalan akan diedarkan kepada pelajar yang khusus melakukan pekerjaan secara sambilan ketika di kampus. Seramai 150 pelajar sahaja sesuai dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kepada penglibatan pelajar sebagai pekerja sambilan.

### Kaedah Analisis Data

Secara amnya, analisis yang terlibat di dalam kajian ini ialah analisis kebolehpercayaan (*reliability*) dan ujian ANOVA satu hala. Analisis kebolehpercayaan dilakukan dengan tujuan menilai kedudukan pengukuran instrumen-instrumen dalam kajian ini sama ada ianya konsisten atau tidak dengan konsep yang diukur. Ujian ini berasaskan kepada nilai Alpha Cronbach yang merupakan ukuran konsistensi dalaman di kalangan item-item yang mengukur setiap angkaubah. Nilai alpha 0.70 atau lebih akan dikira baik dan nilai lingkungan 0.60 masih boleh diterima di peringkat penerokaan. Analisis data dilakukan dengan menggunakan analisis diskriptif yang meliputi nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ralat piawai. Skor minimum adalah nilai purata yang mewakili pelbagai nilai dan merupakan kaedah pengukuran kecenderungan pusat. Nilai min digunakan untuk menjelaskan tahap persetujuan oleh responden dan dibaca bersama dengan sisihan piawai untuk menentukan tahap persetujuan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam soalan. Bagi skala lima mata, Skala Tahap Kebersetujuan yang kurang daripada nilai 2.4 adalah "Rendah"; nilai antara 2.5 hingga 3.20 adalah "Sederhana" dan akhir sekali lebih daripada nilai 3.2 adalah "Tinggi" (Bahril B. Balli & Wahid Razzaly 2010). Manakala bagi analisis membezakan antara tahap 'Rendah' dan 'Tinggi' pula, kajian membezakan dengan membandingkan nilai purata iaitu bernilai 3.99 dan ke bawah dikategorikan sebagai 'Rendah' manakala nilai 4 dan ke atas adalah 'Tinggi'

Selain itu, analisis statistik berbentuk inferens juga digunakan pada peringkat pengujian hipotesis iaitu ujian ANOVA Satu Hala (*One Way ANOVA*). Berikut merupakan hipotesis ANOVA satu hala. Hipotesis nol ( $H_0$ ) yang diuji dalam ANOVA satu hala adalah

populasi yang bermaksud sampel  $K$  yang dipilih adalah sama. Atau setiap kumpulan adalah sama yang mana;

$$H_0: \mu_1 = \mu_2 = \dots = \mu_k \quad (1)$$

(yang mana  $K$  adalah bilangan tahap pemboleh ubah bebas); Sebagai contoh: Jika pemboleh ubah bebas mempunyai tiga tahap.

$$H_0: \mu_1 = \mu_2 = \mu_3 \quad (2)$$

Manakala hipotesis alternatif ( $H_a$ ) adalah bahawa sekurang-kurangnya satu kumpulan secara signifikan berbeza daripada kumpulan yang lain. Atau sekurang-kurangnya dua kumpulan secara signifikan sangat berbeza yang mana ditunjukkan oleh persamaan (3);

$$H_a: \mu_i \neq \mu_k \quad (3)$$

(untuk beberapa  $i, k$ ) yang mana  $i$  dan  $k$  hanya menunjukkan kumpulan yang unik

Dalam pada itu, Ujian Levene bagi Kehomogenan Varians (*Test of Homogeneity of Variances*) yang diperolehi daripada Analisis Varians (*Analysis of Varians*) juga turut digunakan dalam kajian ini. Variasi taburan dalam populasi adalah sama. Ini biasanya dirujuk sebagai asumsi kehomogenan varians. Ujian ini juga merupakan ujian yang kurang bersandarkan kepada andaian taburan normaliti data berbanding ujian-ujian yang lain. Ujian Levene dijalankan adalah bertujuan untuk menguji dan mengesahkan salah satu andaian sebelum Analisis Varians (ANOVA) boleh dijalankan di mana varians bagi pemboleh ubah bersandar. Berikut merupakan hipotesis yang akan digunakan dalam Ujian Levene yang ditunjukkan oleh persamaan (4) dan (5):

JADUAL 1. Latar Belakang Responden

Item	Kekcrapan	Peratusan (%)
Jantina:		
Lelaki	42	28.0
Perempuan	108	72.0
Bangsa:		
Melayu	133	88.7
Cina	7	4.7
India	9	6.0
Lain-lain	1	0.7
Tahun Pengajian:		
Tahun 1	52	34.7
Tahun 2	32	21.3
Tahun 3	58	38.7
Tahun 4	8	5.3
Sumber Kewangan:		
Persendirian	18	12.0
Ibu bapa/keluarga	46	30.7
PTPTN	72	48.0
Basiswa	14	9.3
Peringkat Pengajian		
Pra siswazah	140	93.3
Pasca siswazah	10	6.7
Fakulti Pengajian:		
FEP	53	35.3
FSSK	29	19.3
FST	16	10.7
FPEND	7	4.7
FKAB	5	3.3
FPI	15	10.0
FTSM	10	6.7
FSK	11	7.3
CITRA	4	2.7

Sumber: Maklumat Soalselidik

$$H_0: \sigma_1^2 = \sigma_2^2 = \dots = \sigma_K^2 \quad (4)$$

iaitu varians data adalah homogen

$$H_a: \sigma_i^2 \neq \sigma_k^2 \quad (5)$$

(untuk beberapa  $i, k$ ) iaitu varians data adalah tidak homogen.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan demografi responden seramai 150 orang yang merupakan pelajar-pelajar UKM daripada semua fakulti. Daripada aspek jantina, jantina perempuan mewakili 72 peratus berbanding jantina

lelaki iaitu 28 peratus yang membuat kerja sambilan. Hasil kajian ini mendapati bangsa Melayu adalah responden tertinggi yang membuat kerja sambilan iaitu 88.7 peratus diikuti bangsa India 6 peratus dan bangsa Cina 4.7 peratus. Selain itu, daripada aspek tahun pengajian pula, pelajar tahun 3 merupakan responden tertinggi membuat kerja sambilan yang mewakili 38.7 peratus diikuti dengan pelajar tahun 1 iaitu 34.7 peratus. Daripada aspek sumber kewangan, sumber kewangan yang diperolehi daripada pinjaman PTPTN adalah tertinggi yang mewakili 48 peratus diikuti dengan sumber daripada ibu bapa atau keluarga iaitu 30.7 peratus. Sebanyak 93.3 peratus merupakan pelajar prasiswazah manakala 6.7 peratus pasca siswazah. Sebanyak 35.3 peratus responden yang bekerja sambilan adalah pelajar FEP, 19.3 peratus adalah pelajar FSSK, 10.7 peratus pelajar FST, dan 10 peratus adalah pelajar FPI.

JADUAL 2. Latar Belakang Pekerjaan Sampingan Responden

Item	Kecrapan	Peratusan (%)
Jenis Pekerjaan:		
Perhotelan	8	5.3
Makanan dan Minuman	38	25.3
Perniagaan Online	6	4.0
Promoter	10	6.7
Pakaian/Butik	4	2.7
Cashier	11	7.3
Pendidikan	8	5.3
Perkhidmatan	34	27.0
Berniaga	7	4.7
Pendapatan Kerja Sambilan Sebulan		
RM400 dan ke bawah	84	56.0
RM401-RM600	33	22.0
RM601-RM800	9	6.0
RM801 dan ke atas	24	16.0
Bilangan Jam Kerja Seminggu:		
5 hingga 8 jam	101	67.3
9 hingga 16 jam	32	21.3
17 hingga 24 jam	7	4.7
25 jam ke atas	10	6.7

Sumber: Maklumat Soalselidik

Hasil kajian dalam Jadual 2 mendapati pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia banyak membuat kerja sambilan dalam bidang makanan dan minuman. Sebanyak 25.3 peratus mewakili jenis pekerjaan pelajar dalam bidang ini diikuti dengan 27 peratus dalam bidang perkhidmatan. Penglibatan pelajar

bekerja sambilan dalam bidang perniagaan atas talian mewakili peratusan terendah iaitu sebanyak 4 peratus. Kajian turut dijalankan untuk mengkaji jumlah pendapatan yang diperolehi oleh pelajar yang membuat kerja sambilan dalam tempoh sebulan. Pendapatan sebanyak RM400 ke bawah dalam masa sebulan adalah

paling tinggi yang mewakili 56 peratus. Pelajar yang mendapat pendapatan sebanyak RM601 hingga RM800 sebulan adalah paling rendah yang mewakili 6 peratus.

Kajian ini turut mengkaji bilangan jam kerja dalam tempoh seminggu dan mendapati bahawa

majoriti pelajar bekerja sambilan antara 5 hingga 8 jam seminggu yang mewakili 67.3 peratus, 9 hingga 16 jam sebanyak 21.3 peratus dan 17 hingga 24 jam sebanyak 4.7 peratus. Pelajar yang membuat kerja sambilan melebihi 25 jam seminggu mewakili 6.7 peratus.

JADUAL 3. Faktor Bekerja Sampingan

Bil	Item	Nilai Min	Tahap <sup>1</sup>	Sisihan Piawai	Alpha Cronbach
<i>Faktor dalaman membuat kerja sambilan</i>					.689
(1)	Ingin menambahkan sumber pendapatan	4.43	Tinggi	0.689	
(2)	Mendisiplinkan diri apabila membuat kerja sambilan	3.91	Tinggi	1.016	
(3)	Membuat kerja sambilan pada hujung minggu sebagai cara menghilangkan tekanan pembelajaran	3.11	Sederhana	1.234	
(4)	Ingin mencari pengalaman kerja sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar	4.32	Tinggi	0.814	
(5)	Sumber kewangan daripads PTPTN, biasiswa dan tajaan lain tidak mencukupi	3.81	Tinggi	1.268	
	Purata	3.92	Tinggi	0.687	
<i>Faktor luaran membuat kerja sambilan</i>					.702
(1)	Saya ingin meluaskan jaringan sosial di tempat kerja	4.03	Tinggi	0.930	
(2)	Saya membuat kerja sambilan kerana mengikut trend mahasiswa kini	2.61	Sederhana	1.135	
(3)	Saya terpengaruh dengan rakan sebaya yang membuat kerja sambilan	2.67	Sederhana	1.180	
(4)	Kos pengangkutan ke tempat kerja adalah percuma	2.57	Sederhana	1.282	
(5)	Saya ingin mengumpul kos perbelanjaan untuk program mobiliti	2.90	Sederhana	1.304	
	Purata	2.95	Sederhana	0.792	
<i>Kesan Kerja Sambilan terhadap prestasi akademik</i>					.724
(1)	Tidak sanggup ponteng kelas kerana penat membuat kerja sambilan	3.55	Tinggi	1.403	
(2)	Mempunyai masa yang banyak untuk mengulangkaji pelajaran pada hujung minggu	2.85	Sederhana	1.289	
(3)	Dapat mengaplikasikan sedikit sebanyak ilmu pekerjaan di dalam kuliah	3.61	Sederhana	0.961	
(4)	Kemahiran bekerja membuatkan saya bijak menyiapkan tugas di kuliah	3.48	Sederhana	0.988	
(5)	Cakna akan prestasi akademik saya	3.89	Tinggi	0.938	
	Purata	3.47	Sederhana	0.596	

Nota: <sup>1</sup>Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011))  
Sumber: Maklumat Soalselidik

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian mengenai faktor pelajar membuat kerja sambilan yang terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan juga luaran. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kesan kerja sambilan terhadap prestasi akademik pelajar. Sebanyak 5 indikator bagi setiap item telah dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian ini mendapati bahawa nilai min yang diperoleh daripada 13 soalan faktor dalaman bekerja sambilan adalah tinggi melebihi 3.81 kecuali satu soalan iaitu item membuat kerja sambilan pada hujung minggu

sebagai cara menghilangkan tekanan pembelajaran iaitu pada tahap sederhana dengan nilai min 3.11. Nilai min pada tahap paling tinggi bagi item faktor dalaman bekerja sambilan iaitu 4.43 iaitu ingin menambahkan sumber pendapatan. Majoriti pelajar yang membuat kerja sambilan adalah untuk menambahkan pendapatan dan duit poket untuk memenuhi kehendak membeli barangan selain keperluan belajar. Kajian mendapati bahawa nilai min yang diperoleh bagi soalan faktor luaran bekerja sambilan adalah pada tahap sederhana

JADUAL 4. Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Fakulti Pengajian

Faktor	N	Nilai Min	Tahap <sup>1</sup>	Sisihan Piawai
<b>(1) Faktor Dalaman#</b>				
FEP	53	4.04	Tinggi	0.658
FSSK	29	3.92	Tinggi	0.562
FST	16	3.85	Tinggi	0.573
FPEND	7	4.09	Tinggi	1.194
FKAB	5	3.40	Sederhana	1.049
FPI	15	4.04	Tinggi	0.530
FTSM	10	3.72	Sederhana	0.559
FSK	11	3.65	Sederhana	0.658
CITRA	4	3.70	Sederhana	1.438
Keseluruhan	150	3.92	Tinggi	0.687
<b>(2) Faktor Luaran#</b>				
FEP	53	2.91*	Sederhana	0.852
FSSK	29	2.96*	Sederhana	0.759
FST	16	2.66*	Sederhana	0.597
FPEND	7	2.94*	Sederhana	0.797
FKAB	5	2.88*	Sederhana	0.944
FPI	15	3.55*	Sederhana	0.602
FTSM	10	2.94*	Sederhana	0.943
FSK	11	2.82*	Sederhana	0.690
CITRA	4	2.95*	Sederhana	0.870
Keseluruhan	150	2.95	Sederhana	0.793
<b>(3) Faktor Kesan Prestasi Akademik</b>				
FEP	53	3.60*	Sederhana	0.602
FSSK	29	3.46*	Sederhana	0.639
FST	16	3.49*	Sederhana	0.611
FPEND	7	3.74*	Sederhana	0.428
FKAB	5	2.92*	Sederhana	0.844
FPI	15	3.32*	Sederhana	0.376
FTSM	10	3.16*	Sederhana	0.523
FSK	11	3.25*	Sederhana	0.474
CITRA	4	4.05*	Tinggi	0.379
Keseluruhan	150	3.47	Sederhana	0.410
Keseluruhan	150	3.47	Sederhana	0.810

Nota: <sup>1</sup>Skala Skor Min; < 2.40; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011))

\* signifikan pada aras keertian 5 %

# Statistik Levene signifikan pada aras keertian 5%

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik



kecuali item ingin meluaskan jaringan sosial di tempat kerja iaitu bernilai 4.03. Ini menunjukkan faktor ingin meluaskan jaringan sosial di tempat kerja merupakan faktor dominan yang mendorong pelajar untuk membuat kerja sambilan. Nilai min pada tahap sederhana paling rendah iaitu 2.57 yang mewakili item kos pengangkutan ke tempat kerja adalah percuma kerana hanya premis pekerjaan tertentu sahaja yang menawarkan pengangkutan secara percuma kepada pelajar yang membuat kerja sambilan seperti di hotel sekitar Bangi dan Putrajaya. Hasil kajian mendapati nilai min pada tahap tertinggi yang diperoleh bagi soalan kesan kerja sambilan terhadap prestasi akademik pelajar adalah item cakna akan prestasi akademik iaitu 3.89. Hal ini menunjukkan, meskipun pelajar membuat kerja sambilan namun tidak mengabaikan pelajaran dan cakna terhadap prestasi akademik mereka. Nilai min pada tahap sederhana yang paling rendah iaitu tidak mempunyai banyak masa untuk mengulangkaji pelajaran pada hujung minggu iaitu 2.85 kerana majoriti pelajar yang membuat kerja sambilan adalah pada hujung minggu. Nilai pekali Alpha Cronbach

bagi kesan kerja sambilan terhadap prestasi akademik pelajar menunjukkan nilai sebanyak 0.724 berada pada tahap paling tinggi.

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis menggunakan ujian ANOVA satu hala untuk membuat perbandingan nilai min faktor dengan tahun pengajian. Faktor dalaman pelajar membuat kerja sambilan memberikan nilai min paling tinggi iaitu FPEND dengan sisihan piawai 1.194. Majoriti pelajar FPEND membuat kerja sambilan disebabkan faktor dalaman yang mendorong mereka. Nilai min paling rendah ialah FKAB iaitu 3.40 dengan sisihan piawai 1.049. Pelajar-pelajar FSSK terdorong untuk membuat kerja sambilan disebabkan faktor luaran yang memberikan nilai min yang paling tinggi iaitu 2.96 dengan sisihan piawai 0.759 manakala tahap persetujuan pelajar FSK adalah paling rendah iaitu 2.82 dan sisihan piawai 0.690. Bagi kesan kerja sambilan terhadap prestasi akademik pelajar pula, nilai min tertinggi adalah CITRA iaitu 4.05, sisihan piawai 0.379 manakala FKAB memberikan nilai min paling rendah iaitu 2.92 dengan sisihan piawai 0.844.

JADUAL 5. Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Aliran Pengajian

Faktor	N	Nilai Min	Tahap <sup>1</sup>	Sisihan Piawai
(1) Faktor Dalaman				
Aliran Sains	42	3.71*	Sederhana	0.649
Aliran Sastera	108	4.00*	Tinggi	0.688
Keseluruhan	150	3.92	Tinggi	0.687
(2) Faktor Luaran				
Aliran Sains	42	2.80	Sederhana	0.736
Aliran Sastera	108	3.02	Sederhana	0.808
Keseluruhan	150	3.02	Sederhana	0.793
(3) Faktor Kesan Prestasi Akademik				
Aliran Sains	42	3.28*	Sederhana	0.598
Aliran Sastera	108	3.55*	Sederhana	0.582
Keseluruhan	150	3.47	Sederhana	0.597

Nota: <sup>1</sup>Skala Skor Min; < 2.40; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011)

\* signifikan pada aras keertian 5 %

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Berdasarkan Jadual 5, terdapat 3 faktor yang dikaji iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan kesan prestasi akademik pelajar yang dibahagikan kepada dua aliran pengajian iaitu aliran sains dan sastera. Min setiap faktor dinilai untuk dijadikan rujukan tahap persetujuan responden iaitu bagi min 3.81 ke atas adalah tahap persetujuan yang tinggi, nilai min 2.41 hingga 3.80 adalah sederhana, nilai min 2.40 dan

ke bawah adalah rendah. Hasil kajian ini mendapati tahap persetujuan yang tinggi berlaku kepada faktor dalaman (3.92) dengan nilai min pada aliran sastera memberikan min yang tinggi iaitu 4.00 dan aliran sains pula memberikan nilai min sederhana (3.71). Pelajar yang mempunyai latar belakang pengajian sastera bersetuju bahawa faktor dalaman lebih mendorong mereka untuk membuat kerja sambilan. Faktor yang

dinilai pada tahap persetujuan sederhana adalah faktor luaran dan kesan prestasi akademik. Aliran sastera memberikan nilai min yang lebih tinggi berbanding

aliran sains bagi faktor luaran(3.02) dan kesan prestasi akademik(3.55).

JADUAL 6. Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Fakulti Pengajian

Faktor	N	Nilai Min	Tahap <sup>1</sup>	Sisihan Piawai
<b>(1) Faktor Dalaman</b>				
Tahun 1	52	3.67*	Sederhana	0.680
Tahun 2	32	4.02*	Tinggi	0.610
Tahun 3	58	4.09*	Tinggi	0.643
Tahun 4	8	3.90*	Tinggi	0.956
Keseluruhan	150	3.92	Tinggi	0.687
<b>(2) Faktor Luaran</b>				
Tahun 1	52	2.89	Sederhana	1.567
Tahun 2	32	3.09	Sederhana	0.696
Tahun 3	58	2.91	Sederhana	0.906
Tahun 4	8	3.13	Sederhana	1.171
Keseluruhan	150	2.95	Sederhana	0.793
<b>(3) Faktor Kesan Prestasi Akademik</b>				
Tahun 1	52	3.34	Sederhana	0.547
Tahun 2	32	3.52	Sederhana	0.592
Tahun 3	58	3.56	Sederhana	0.579
Tahun 4	8	3.55	Sederhana	0.955
Keseluruhan	150	3.47	Sederhana	0.597

Nota: <sup>1</sup>Skala Skor Min; < 2.40; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011))

\* signifikan pada aras keertian 1 %

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 6 pula menunjukkan hasil analisis ANOVA satu hala untuk menganalisis perbandingan nilai min faktor dengan tahun pengajian. Secara keseluruhan, faktor dalaman memberikan nilai skor min 3.92 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju bahawa faktor dalaman mendorong mereka untuk membuat kerja sambilan. Responden daripada tahun pengajian 3 memberikan nilai min paling tinggi iaitu 4.09 manakala tahun pengajian 1 memberikan skor min sederhana 3.67 dengan sisihan piawai 0.680. Nilai min faktor kesan prestasi akademik pelajar juga memberikan nilai sederhana secara keseluruhannya, namun nilai min kesan prestasi akademik (3.47) lebih tinggi berbanding faktor luaran (2.95). Item tahun pengajian 3 bagi kesan prestasi akademik pelajar memberikan nilai min paling tinggi (3.56) dengan sisihan piawai (0.579) kerana pelajar tahun 3 lebih bersetuju membuat kerja sambilan memberi kesan terhadap prestasi akademik.

Jadual 7 menunjukkan peratusan hasil analisis

hubungan antara prestasi akademik, faktor dalaman dan bilangan jam kerja seminggu. Responden yang membuat kerja sambilan antara 5 hingga 8 jam seminggu yang didorong oleh faktor dalaman yang tinggi memperoleh keputusan akademik yang rendah iaitu seramai 50 orang (60.2%). Responden yang membuat kerja sambilan antara 9 hingga 16 jam seminggu yang juga didorong oleh faktor dalaman yang tinggi memperoleh keputusan akademik rendah seramai 8 orang (33.3%). Responden yang membuat kerja sambilan antara 5 hingga 8 jam seminggu memperoleh keputusan akademik rendah dengan faktor dalaman yang rendah iaitu 33 orang (39.8%). Selain itu, terdapat 4 responden yang membuat kerja sambilan mendapat keputusan rendah dengan dorongan faktor dalaman yang rendah berbanding faktor dalaman yang tinggi hanya satu responden (20%). Responden yang mendapat prestasi akademik tinggi dengan dorongan faktor dalaman yang tinggi adalah seramai 7 orang (38.9%) yang membuat kerja sambilan antara 5 hingga 8 jam seminggu.

JADUAL 7. Hubungan Prestasi Akademik, Faktor Dalaman dan Bilangan Jam Kerja Seminggu

Prestasi Akademik	Faktor Dalaman	Bilangan Jam Kerja Seminggu				Jumlah
		5 hingga 8 Jam	9 hingga 16 Jam	17 hingga 24 Jam	25 Jam ke atas	
Rendah	Tinggi	50 (60.2)	8 (33.3)	1 (20.0)	1 (20.0)	60 (51.3)
	Rendah	33 (39.8)	16 (66.7)	4 (80.0)	4 (80.0)	57 (48.7)
Jumlah		83 (100.0)	24 (100.0)	5 (100.0)	5 (100.0)	117 (100.0)
Tinggi	Tinggi	7 (38.9)	1 (14.3)	1 (50.0)	3 (50.0)	12 (36.4)
	Rendah	11 (61.1)	6 (85.7)	1 (50.0)	3 (50.0)	21 (63.6)
Jumlah		18 (100.0)	7 (100.0)	2 (100.0)	6 (100.0)	33 (100.0)

Nota: ( ) peratusan daripada jumlah responden

Skala 'Tinggi': nilai purata antara 4-5; 'Rendah': pada nilai purata 3.99 dan ke bawah

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik

Bilangan responden yang mendapat prestasi akademik yang tinggi dengan dorongan faktor dalaman yang tinggi adalah kurang berbanding 50 responden yang mendapat prestasi akademik yang rendah jika membuat

kerja antara 5 hingga 8 jam seminggu. Terdapat 3 responden yang membuat kerja sambilan melebihi 25 jam seminggu memperoleh prestasi akademik yang tinggi dengan faktor dalaman yang tinggi.

JADUAL 8. Hubungan Prestasi Akademik, Faktor Luaran dan Bilangan Jam Kerja Seminggu

Prestasi Akademik	Faktor Luaran	Bilangan Jam Kerja Seminggu				Jumlah
		5 hingga 8 Jam	9 hingga 16 Jam	17 hingga 24 Jam	25 Jam ke atas	
Rendah	Tinggi	73 (88.0)	20 (83.3)	3 (50.0)	4 (80.0)	60 (51.3)
	Rendah	10 (12.0)	4 (16.7)	2 (40.0)	1 (20.0)	57 (48.7)
Jumlah		83 (100.0)	24 (100.0)	5 (100.0)	5 (100.0)	117 (100.0)
Tinggi	Tinggi	14 (77.8)	7 (100.0)	2 (100.0)	6 (100.0)	12 (36.4)
	Rendah	4 (22.2)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	21 (63.6)
Jumlah		18 (100.0)	7 (100.0)	2 (100.0)	6 (100.0)	33 (100.0)

Nota: ( ) peratusan daripada jumlah responden

Skala 'Tinggi': nilai purata antara 4-5; 'Rendah': pada nilai purata 3.99 dan ke bawah

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik

Melalui Jadual 8 menunjukkan hasil analisis hubungan antara prestasi akademik, faktor luaran dan bilangan jam kerja seminggu. Responden yang mempunyai prestasi akademik dan faktor luaran yang

tinggi membuat kerja sambilan antara 5 hingga 8 jam seminggu adalah seramai 14 orang (77.8%) berbanding 6 responden yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi dan faktor luaran tinggi. Hanya 2 responden

yang membuat kerja sambilan antara 17 hingga 24 jam seminggu mendapat prestasi akademik yang tinggi. Responden yang mendapat prestasi akademik rendah dengan faktor luaran tinggi adalah seramai 73 orang (88%). Bilangan ini lebih tinggi berbanding bilangan responden yang mendapat prestasi rendah dengan faktor luaran rendah iaitu 11 orang. Jadual 8 juga mendapati bahawa hanya 22.2 peratus responden yang bekerja antara 5 hingga 8 jam memperoleh prestasi akademik yang tinggi dengan dorongan faktor luaran untuk bekerja rendah.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan faktor dalaman amat signifikan mempengaruhi pelajar mengambil keputusan untuk membuat kerja sambilan semasa belajar. Faktor dalaman pelajar membuat kerja sambilan semasa belajar yang dominan adalah untuk menambahkan pendapatan dan duit poket pelajar seterusnya meningkatkan wang simpanan peribadi. Kesempitan hidup yang dialami oleh pelajar yang mencetus kepada semangat ingin keluar daripada kesempitan tersebut menyebabkan pelajar membuat kerja sambilan. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh (Awad & Sufean, 2006) yang menyatakan kenaikan kos hidup dan kekurangan sumber kewangan menjadi faktor utama pelajar bekerja secara sambilan semasa belajar samada di Malaysia atau di luar negara. Majoriti pelajar UKM membuat pinjaman pengajian PTPTN untuk menampung perbelanjaan pengajian dan pembayaran yuran. Namun, pada era masa kini sumber kewangan dari PTPTN tidak mencukupi untuk memenuhi kelengkapan dari segi keperluan dan kehendak pelajar yang seterusnya mendesak pelajar untuk bekerja sambilan. Teori ini menyokong kajian yang dilakukan oleh (Suhaila et al, 2016) mengenai faktor pelajar membuat kerja sambilan kerana kekurangan sumber kewangan. Meskipun terdapat kajian yang mengatakan bahawa pelajar membuat kerja sambilan kerana ingin memenuhi perbelanjaan peribadi di samping ingin mendapat status tinggi dalam kalangan rakan-rakan (Khairil et al, 2018). Namun pada hakikatnya pelajar yang menikmati hasil upah yang diperolehi daripada bekerja sambilan akan lebih menghargai dan memanfaatkan wang sebaiknya setelah melalui kesusahan melakukan dua pekerjaan dalam satu masa. Kenyataan ini disokong dengan kajian (Khuo Boo Wan, 1997) yang mengatakan pelajar akan menghargai wang yang diperolehi daripada titik peluh sendiri.

Kajian ini turut dilakukan untuk mengkaji

kesan pelajar membuat kerja sambilan kepada prestasi akademik mereka. Secara purata, pelajar sedar bahawa tanggungjawab hakiki mereka sebagai pelajar adalah untuk belajar dan mencari ilmu manakala bekerja sebagai pilihan sampingan mereka. Oleh hal yang demikian, pelajar sedar komitmen sebagai pelajar mendahului tanggungjawab sebagai pekerja menjadikan pelajar cakna akan prestasi akademik mereka. Setelah menggalas dua tanggungjawab berbeza dalam masa yang sama iaitu sebagai pelajar dan pekerja, hal ini menjadikan pelajar yang bekerja sambilan bijak dalam pengurusan masa. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati pelajar tidak mengabaikan pelajaran dan tugas sebagai pelajar tetap disiapkan meskipun penat membuat kerja sambilan. Ini menunjukkan bahawa pelajar bijak membahagikan masa untuk menyiapkan tugas, hadir ke kelas dan mengikuti program wajib anjuran universiti serta komitmen tugas di tempat kerja. Walau bagaimanapun nilai ini masih berada pada tahap yang baik. Menurut kajian yang dilakukan oleh Faezah et al. (2015) membuktikan bahawa pelajar dapat menguruskan masa dengan seimbang walaupun bekerja sambil belajar. Pelajar ini sememangnya mempunyai komitmen yang lain akan tetapi mereka masih mampu menguruskan masa mereka dengan teratur dan dapat mengimbangi masa antara belajar dan bekerja. Hal ini seterusnya menukar pandangan umum bahawa pelajar yang membuat kerja sambilan akan tertekan dan mengabaikan pelajaran kerana tidak dapat membahagikan masa dengan baik antara tanggungjawab sebagai pelajar dan pekerja.

Walaupun begitu, kajian yang dilakukan oleh (Awab, 2003) mendapati tidak ramai pelajar yang membuat kerja sambilan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang. Selain itu, pelajar yang membuat kerja sambilan sering dikatakan mengabaikan tugas-tugas sebagai pelajar kerana membuat kerja sambilan sewaktu kuliah. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini membuktikan kenyataan tersebut adalah tidak benar kerana pelajar yang ponteng kuliah disebabkan kepenatan membuat kerja sambilan adalah terdiri daripada golongan minoriti. Pengurusan masa yang baik boleh menyumbang kepada kejayaan akademik menghasilkan kerja yang berkesan, peningkatan produktiviti dan mengurangkan tekanan (Lay & Schouwenburg, 1993). Namun kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa pelajar yang membuat kerja sambilan memperoleh manfaat yang banyak dari segi peningkatan kemahiran insaniah dalam prospek pekerjaan masa hadapan tetapi perlu berstrategi untuk mendapat keputusan peperiksaan yang baik. Hasil kajian mendapati masa terbaik pelajar menjalankan pekerjaan sampingan adalah ketika tahun

pengajian ketiga dan keempat disebabkan pengalaman pembelajaran yang tinggi pada masa tersebut. Namun kajian ini menyarankan untuk mencapai keputusan akademik yang baik, pelajar perlu menghadkan jam kerja sampingan di bawah lapan jam seminggu. Ini adalah jam kerja yang dianggap optimum untuk pelajar untuk melakukan kerja sampingan dan di masa yang sama mendapat keputusan peperiksaan yang baik. Kajian ini berpendapat terdapat kelebihan yang terdiri sekiranya pelajar menjalankan kerja sampingan seperti menguasai kemahiran berkomunikasi, pengurusan masa dan ketahanan fizikal dan mental yang tinggi. Pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi ini dapat menyiapkan diri pelajar terutamanya pelajar tahun ketiga atau tahun akhir sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar setelah bergraduasi.

### KESIMPULAN

Secara rumusnya, kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor-faktor dalaman dan luaran serta kesan terhadap prestasi akademik pelajar yang membuat kerja sampingan. Faktor-faktor dalaman secara ringkasnya berkait dengan keinginan individu untuk melakukan kerja sampingan semasa belajar dan menambahkan duit poket. Selain itu, faktor dalaman merangkumi inisiatif pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan persediaan masa hadapan. Manakala faktor luaran melibatkan faktor pengaruh rakan sebaya, jarak dan peluang kerja untuk membuat kerja sampingan yang mendorong pelajar memilih untuk bekerja semasa belajar. Namun, timbul persoalan bahawa samada pelajar yang membuat kerja sampingan ini disebabkan kekurangan pendapatan atau sememangnya ingin membuat kerja sampingan kerana minat, mencungkil bakat serta pengalaman. Terdapat juga responden yang membuat kerja sampingan melebihi 25 jam seminggu secara sukarela dan dapat disimpulkan bahawa pelajar ini bekerja sampingan kerana selesa menggalas dua tanggungjawab besar dalam masa yang sama. Pelajar-pelajar yang bekerja melebihi 25 jam seminggu ini tidak mengabaikan pelajaran dan tugas sebagai pelajar kerana amat menekankan pengurusan masa yang baik. Jelaslah bahawa, prestasi akademik pelajar yang membuat kerja sampingan tidak akan dipengaruhi oleh bebanan kerja sampingan sekiranya pelajar bijak menguruskan masa serta mendahulukan perkara yang penting dan mustahak setelah bekerja ketika masih belajar sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi. Cadangan untuk kajian akan datang adalah melakukan perbandingan antara beban kewangan dan yuran dengan jumlah pelajar yang membuat kerja sampingan antara fakulti.

### RUJUKAN

- Amsyar Hasif Abdul Taib & Suhaila Saad. (2019). Kesan Bekerja Secara Sambilan ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(2): 145-151.
- Awab Said & Sufean Hussin. (2006). Pelajar Sekolah Menengah yang Bekerja Separuh Masa: Satu Tinjauan di Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan, UM*, page 166.
- Awab Said. (2003). Pelajar Bekerja Sambilan : Tinjauan di beberapa Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. *Jurnal IPBA. Jilid 3 (Bil.3). p.74-86. Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur.*
- Bahril B. Balli, Wahid Razzaly. (2011). Instrumen Penilaian Bagi Pengiktirafan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPPT) Dalam Konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat : Transformasi Pendidikan Politeknik Di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*, 19.
- Ershad Ali. (2017). Impact of part time work on the academic performance of international students. *Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship (JIBE)*, 2 (1). pp. 17-22. ISSN 2550-1429.
- Faezah Kamisan, H. A. (2015). Impak Bekerja Sambil Belajar Di Kalangan Pelajar Kursus Secara Sambilan Di Politeknik Merlimau Melaka. 9. Retrieved 3 27, 2020
- Fitria Drs. Zulfan, M.Hum. (2013). Hubungan Kerja Part Time Dengan Capaian Pendidikan. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa FISIP Unsyiah*, 10.
- Khairil Rasyidi Izazi & Ros Zam Zam Sopian. (2018). Faktor-faktor Keterlibatan Pelajar Universiti dalam Kerja Sambilan. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1): 1-9, 9.
- Khoo Boo Wan. (1997). Fenomena Kerja Sambilan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Dari Sebuah Sekolah Menengah Di Kawasan Perindustrian Dan Implikasinya Untuk Tindakan Pentadbir Sekolah. *Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.*
- Lay, C.H & Schouwenburg, H.C (1993). Trait Procrastination, Time Management, and Academic Behaviour. *Journal of Social Behaviour and Personality, Vol 8, No. 4, 647-662.*
- Muhammad Sykri Salleh, Amir Razli, Meer Zhar Farouk & Yusoff Mohd Zahari (2006). Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik yang rendah di kalangan mahasiswa/i Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi semester Disember 2005-Mei 2006. Dalam National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Najumunisha Abdul Jabbar & Doris Padmini Selvaratnam. (2017). Analysis of the Determinants of Education in Malaysia. *Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship e-ISSN :2550-1429 Volume 2, (1).*
- Norain Mod Asri, Norlaila Abu Bakar, Iman Athira

- Laili & Suhaila Saad. (2018). Status Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 21.
- Noraziah Ali, Ranimah Yusuf, & Hasnah Ali. (2008). Pola Bekerja Sambilan Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Melaka Tengah dan Implikasinya terhadap Prestasi Pembelajaran di Sekolah. *Journal of Social Sciences and Humanities (Jurnal e-bangi)*, 3(1).
- Nur Lailatul Azizah. (2017). Pengaruh Kerja Part-Time Terhadap Prestasi Akademik Dan Non Akademik Mahasiswa.
- Rajakumari A/P Velu Pillai & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2018). Hubungan Pelajar Kerja Sambilan, Kadar Ponteng Sekolah Dan Prestasi Akademik Pelajar.
- Safrul Muluk. (2017). Part-time Job and Students' Academic Achievement. *Jurnal Ilmiah Peuradeun, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia*.
- Sarath A. Nonis & Gail I. Hudson. (2014). Academic Performance of College Students : Influence of Time Spent Studying and Working. *Journal of Education for Business, University of Otago*.
- Suhaila Nadzri, Rabi'atul 'Adawiah Seh Nilamuddin, Nuzul Akhtar Baharudin, Siti Syuhada Abd Rahman. (2016). Faktor Yang Mendorong Mahasiswa Ipt Membuat Kerja Sambilan. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB) , 24th – 25th May 2016, e-ISBN: 978-967-0850-40-5*.
- Tamar Jaya Nizar & Nor Syahidah Abdullah. (2010). Persepsi Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Terhadap Kerja Sambilan. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Tarmizi Nur. (2016). Dampak Kuliah Sambil Bekerja Terhadap Indeks Prestasi Kumulatif (IPK) Mahasiswa. *Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Indonesia*.
- Wan Zah Wan Ali, (2008). Kemahiran Pengurusan Masa Pelajar Universiti Tempatan : Status Dan Hubungannya Dengan Pencapaian. *Jurnal Teknologi, 49(E) Dis. 2008: 49–64*.

Nurul Isma Ezzaty Ismail & Hairunnizam Wahid\*  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: hairun@ukm.edu.my

Diserahkan: 12 Ogos 2020  
Diterima: 17 Ogos 2020